

**Belum sepakat lantik Perdana Menteri
Utusan Online
26 Februari, 2013**

SHAH ALAM 25 Feb. - Pakatan pembangkang yang dianggotai oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR), DAP dan Pas masih belum mempunyai kata sepakat dan ketetapan bagi melantik Datuk Seri Anwar Ibrahim (gambar) sebagai Perdana Menteri sekiranya gabungan parti politik tersebut berjaya memenangi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti.

Meskipun dengan semangat berkobar-kobar menyatakan mereka sudah bersedia untuk melangkah kaki ke Putrajaya dengan manifesto bertema 'Pakatan Harapan Rakyat' dilancarkan hari ini, Anwar sendiri tidak berani untuk menegaskan beliau telah disepakati oleh sekutunya untuk diangkat menjadi Perdana Menteri.

Anwar hari ini enggan memberikan sebarang komen berhubung kedudukannya sebagai calon Perdana Menteri sekiranya memenangi pilihan raya umum akan datang.

Ketua Umum PKR itu menjawab secara ringkas bahawa beliau tidak membangkitkan isu sebagai calon jawatan Perdana Menteri dalam kerajaan yang bakal ditadbir oleh pakatan pembangkang nanti.

"You (wartawan) ada cadangan lain ke (calon Perdana Menteri pakatan pembangkang)? Saya tak bangkit isu ini, tidak ada masalah apa pun... orang *rumour* (khabar angin) memang patut ada usul (mengenai calon Perdana Menteri).

"Namun, usul kita hari ini ialah konvensyen pakatan hanya untuk manifesto," katanya ketika ditemui pemberita selepas Konvensyen Pakatan Rakyat Ke-4 di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) di sini hari ini.

Pada 12 Februari lalu, media melaporkan kenyataan Pengerusi DAP, Karpal Singh sekali lagi menegaskan Anwar akan menjadi Perdana Menteri jika pakatan pembangkang berjaya menawan Putrajaya dalam pilihan raya umum akan datang.

Penegasan itu dibuat oleh Karpal susulan wujudnya dakwaan kononnya Majlis Syura Ulama Pas menolak Anwar bagi menduduki jawatan berkenaan selain menganggapnya sebagai satu spekulasi.

Bagaimanapun, pada Muktamar Pas pada November tahun lalu, seorang perwakilan daripada Dewan Ulama Pas, Hairun Nizam mencadangkan agar jawatan Perdana Menteri bagi pakatan pembangkang diwakili oleh Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Menurut Hairun, ahli Pas tidak sepatutnya melobi pemimpin luar daripada Pas untuk mengisi jawatan tersebut selain menganggap Abdul Hadi merupakan calon yang sesuai.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20130226/po_04/Belum-sepakat-lantik-Perdana-Menteri